# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 20 JULAI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | STUDY ON TERENGGANU MARINE LIFE, NEWS/NATION, NST -6<br>2 APMM TERENGGANU SITA TUJUH OT, TAHAN 83 NELAYAN VIETNAM, SH - ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 3. | SELAMA HAB DURIAN DURI HITAM, NEGERI, HARAKAH -N16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4. | RM42,000 SETAHUN HASIL PADI, DALAM NEGERI, UM -30 | PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8. | FRESH FROM FARMS TO HOMES, NATION/NEWS, NST -5<br>5 MOU PRODUK MAKANAN LAUT DIMETERAI, BOSNES, BH -46<br>BANGKIT LEPAS 2 HARI BERDUKA, LOKAL, HM -6<br>ROSE FARMERS URGED TO TAP INTO FRAGRANCE INDUSTRY, NATION, THE STAR -10 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/7/2020 | NST | NEWS/NATION | 6 |


EXPEDITION

# STUDY ON TERENGGANU MARINE LIFE

## UMT, Marine Parks Dept to find out health of coral reefs post Covid-19

**KUALA NERUS**

UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT), in cooperation with the Marine Parks Department, will carry out an expedition to study marine life post-Covid-19 around Terengganu from this month to November.

Vice-Chancellor Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar said the goal of the expedition was to determine the condition and health of the coral reefs, quality of seawater as well as the effect of islands' closure on the socioeconomy of communities and tourism operators.

"The closure of the islands and marine parks during Covid-19 (through the implementation of the Movement Control Order) has affected marine life, whereby we find that the condition of the sea to be better and improving prior to the closure.

"Researchers also viewed the formation of coral reefs and other marine life to be inspiring after Covid-19. This expedition will see which resources were affected or if there are new discoveries that we can then explore."

She said this after the signing of a memorandum of understanding (MoU) between UMT and the Fisheries Department, witnessed by Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yesterday.

The expedition, involving 21 researchers from UMT with personnel from the Marine Parks and Resource Management Division of the Fisheries Department, will cover Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Kapas and Pulau Tenggol.

Kiandee said the MoU was a strategic collaboration to develop and modernise the fisheries sector through sustainable, dynamic and competitive management and development, which are based on scientific information as well as quality services.

"I was informed that the scope of cooperation will comprise various fields of fisheries, including the science and ecology of marine and land fisheries; management of resources, marine sanctuary areas and biodiversity; and the effect of climate change on fishery resources.

"The form of cooperation included joint research, development and commercialisation of research findings, development capacity of both organisations and sharing of information that will lead to creating a centre of excellence as one of the by-products of this cooperation."

The centre of excellence will become an institution in the development of human capital of both organisations as well as in the development of targeted groups headed by the ministry through the Agricultural Skills Training Division. **Bernama**



*The expedition by Universiti Malaysia Terengganu, in cooperation with the Marine Parks Department, will cover Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Kapas and Pulau Tenggol.* FILE PIC

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/7/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# APMM Terengganu sita tujuh bot, tahan 83 nelayan Vietnam



Tujuh buah bot nelayan Vietnam yang ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dibawa ke pengkalan Maritim Kuala Terengganu hari ini. - Foto Bernama

KUALA TERENGGANU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu merampas tujuh bot nelayan Vietnam berserta 83 orang termasuk tekong dan awak-awak berusia antara 16 hingga 68 tahun dalam Ops Kuda Laut.

Pengarahnya, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, nelayan asing yang menceroboh perairan negara tanpa kebenaran itu ditahan di dalam operasi selama tiga hari bermula Khamis lepas di sekitar lokasi antara 117 hingga 135 batu nautika dari Kuala Terengganu.

Beliau berkata, nilai rampasan termasuk tujuh bot, lima tan hasil tangkapan, 10,000 liter diesel dan peralatan menangkap ikan dianggarkan bernilai RM10.5 juta.

"Semua nelayan Vietnam telah dibawa menjalani ujian saringan koronavirus (Covid-19) dan kita jangka akan dapat keputusan ujian sekitar jam 5 petang hari ini.



Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli (berdiri, tiga dari kanan) memeriksa sebahagian nelayan warga Vietnam yang ditahan di Ibu Pejabat APMM Terengganu hari ini. - Foto Bernama

"Selain itu dalam perjalanan mengiringi sebuah bot ke jeti maritim, berlaku satu insiden pergaduhan antara dua awak-awak yang berakhir dengan seorang daripadanya cedera parah kerana ditikam. Bagaimanapun mangsa telah dikejarkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) untuk rawatan dan dilaporkan dalam keadaan stabil," katanya pada sidang akhbar di Jeti Maritim Negeri Terengganu di sini hari ini.

Muhammad Suffi berkata, pemeriksaan awal juga mendapati dua daripada awak-awak terbabit pernah ditangkap dan dipenjarakan di negara ini atas kesalahan sama.

"Mereka (awak-awak) tidak serik untuk kembali semula menangkap ikan secara haram di sini kerana hukuman yang dikenakan hanya enam bulan. Selepas menjalani hukuman, mereka akan datang semula dan menjadi pesalah tegar," katanya.

Terdahulu, APMM melupuskan dua bot nelayan Vietnam yang telah dilucutkan hak untuk dijadikan tukun di Pulau Redang.

Menurut Pengarah Bahagian Keselamatan dan Pengawasan Maritim, Laksamana Muda Maritim Kamaruszaman Abu Hassan, sebanyak 153 bot nelayan Vietnam telah dilupuskan APMM Terengganu dalam tempoh 10 tahun.

Menurut beliau, proses pelupusan itu adalah isyarat ketegasan kerajaan dalam memerangi ancaman nelayan asing sekali gus memastikan kedaulatan serta sumber perikanan negara terus terpelihara.

"Selain itu secara tidak langsung (pelupusan bot sebagai tukun) ia juga memberi pelbagai manfaat lain iaitu memperkayakan khazanah hidupan laut dan menggalakkan pelancongan maritim.

"Kita akan meneruskan usaha ini dengan kerjasama daripada pihak lain seperti Jabatan Perikanan, Taman Laut dan Institut Sumber Marin Asia Tenggara yang sentiasa memberi sokongan padu kepada APMM," katanya selepas menyaksikan proses pelupusan bot di perairan Pulau Redang hari ini.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/7/2020 | HARAKAH | NEGERI | N16 |

# Selama Hab Durian Duri Hitam



Durian varieti kampung di Selama dijual RM8 sekilogram.



Ustaz Mohd Akmal Kamaruddin

**SELAMA:** Selama akan muncul sebagai Hab Durian Duri Hitam sebagai usaha merancakkan sektor pertanian di daerah tersebut.

Anggota Exco kerajaan negeri Ustaz Mohd Akmal Kamarudin berkata, kerajaan negeri melalui agensi terlibat masih mengkaji kebolehupayaan bagi merealisasikan cadangan itu.

Katanya, kerajaan negeri menggalakkan penduduk di Selama mengusahakan kebun Durian Duri Hitam, di mana harganya sekarang agak tinggi yang boleh memberi pulangan lumayan kepada pekebun.

"Hab durian tersebut akan memesatkan agro pelancongan seiring peningkatan penjualan hasil pertanian.

"Sekiranya orang ramai sanggup untuk ke Raub, Pahang untuk menikmati Durian Musang King, kali ini kita akan menarik mereka untuk menikmati Durian Duri Hitam pula di Selama," katanya yang juga Adun Selama.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Selama, Juaini Shaharain pula berkata, pihaknya mengkaji strategi pemasaran Durian Musang King di Raub untuk mengkomersialkan durian itu di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"FAMA giat mengkaji strategi pemasaran durian di luar negara terutama di China untuk kita perkenalkan durian baharu, Durian Duri Hitam.

"Kita melihat penerimaan Durian Musang King amat menggalakkan," tambahnya.

Sebelum ini Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan, Dato' Abdul Yunus Jamahri mencadangkan supaya Batu Kurau, Selama dinaik taraf sebagai daerah 'Hab Durian Duri Hitam'. - *Stratcom*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/7/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

## Warga emas buktikan kerja sawah beri pulangan lumayan

# RM420,000 setahun hasil padi

Oleh ZAID MOHD. NOOR
zaid.noor@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Usia tidak menghalang seorang warga emas, Aziz Saad, 73, dari Sungai Baru, Mukim Gunung Keriang di sini mengusahakan sawah seluas 32 hektar termasuk 14 hektar di bawah projek estet padi.

Ketekunan Aziz berbaloi apabila dapat menjual tuaian kepada Kilang Beras Padiberas Nasional Bhd. (Bernas) Sungai Baru melebihi 200 tan metrik berharga RM100,000 hingga RM210,000 setiap musim.

Penanaman padi semusim memakan masa lima bulan, bermakna dalam setahun Aziz dapat mengumpul sehingga mencecah RM420,000 setahun.

Rezekinya diberkati apabila lima anaknya berusia 27 hingga 47 tahun berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi termasuk di luar negara.




AZIZ Saad pada usia 73 tahun masih bertenaga dan bangga dengan hasil padi miliknya di Sungai Baru, Mukim Gunung Keriang, Alor Setar. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Aziz berkata, dia mula menjadi pesawah sejak berusia 28 tahun dengan mengusahakan tanah sendiri seluas satu hektar yang dibeli dengan harga RM11,000 ketika itu.

"Bermula secara kecilan, saya bersemangat meluaskan kawasan tanaman padi dengan membeli satu hektar lagi tanah.

"Pada masa ini, saya dibantu seorang pekerja mengusahakan tanaman padi di dua hektar tanah milik sendiri dan kira-kira 30 hektar lagi saya pajak dan sewa.

"Saya mahu meluaskan kawasan tanaman padi kepada 57 hektar berbanding 32 hektar sebaik saja dua anak saya menjadi pesawah sepenuh masa dalam tempoh terdekat," katanya ketika ditemui semalam.

Aziz yang juga bilal di Masjid Hidayatul Solihin, Sungai Baru berkata, kos menanam padi semusim di sawah seluas satu hektar menelan belanja RM3,000.

Katanya, kos melibatkan kerja-kerja membajak, menabur benih, membaja, meracun, menuai, upah pekerja dan menghantar padi ke kilang padi.

"Saya dapat menjimatkan kos selepas membeli dua traktor, dua buah lori dan beberapa peralatan lain untuk tanam padi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/7/2020 | NST | NATION/NEWS | 5 |

MCO SUCCESS STORY

# FRESH FROM FARMS TO HOMES

## Marketing exec in Cameron Highlands used lockdown period to start home delivery service

T.N. ALAGESH
**KUANTAN**
news@nst.com.my

TO keep the vegetable farming business in Cameron Highlands afloat during the Movement Control Order (MCO) in March, R. Dinesh mooted a fresh idea to pack and deliver farm produce directly to customers' homes.

Now, despite almost all economic sectors having reopened under the Recovery MCO phase, the 36-year-old continues to receive orders to deliver vegetables, not only in Kuantan but also in the Klang Valley.

Dinesh, whose parents run a farm in Kuala Terla, Cameron Highlands, said he had long planned to sell fresh produce to customers and that the MCO phase turned out to be a good platform to test the market.

"Due to limited transport services, there was a surplus of unsold vegetables. So I started promoting vegetable packages on social media.

"It received positive feedback, so I got my parents and several other farmers to pack the products based on the orders received."

He said a variety of highland vegetables, including carrots, sweet potatoes and capsicum, were collected from nearby farms, packed in boxes and delivered to customers.

"Since there was an oversupply of vegetables (as night markets were not allowed to operate during the MCO), we delivered high grade products to customers," he told the *New Straits Times*.




*R. Dinesh with the tomatoes collected from farmers in Cameron Highlands yesterday.*

The eldest of two siblings said although the sales volume had dropped in recent weeks following the reopening of morning and night markets, as well as farmers' markets, most of his customers continued to place online orders for vegetables.

To ensure smooth delivery to customers, Dinesh had roped in e-hailing drivers (GrabCar and Uber) to send the products.

"We will receive orders from customers before we harvest the vegetables.

"So they can either choose from the packages we offer or pick any combination of vegetables they prefer.

"The vegetables are selected, cleaned and packed in the farm itself to ensure their freshness and to prevent too many people from handling them before they reached the customers."

Dinesh said his priority was to ensure customer satisfaction.

"If customers were to go to the market, they can pick and choose the vegetables.

"However, when we deliver, they have no choice but to accept what we offer.

"So it is important that we sell the best produce to ensure they get good value for money," said Dinesh, adding that he promoted his D'Nature Mart products on Facebook and WhatsApp.

Dinesh, who works as a marketing executive here, said apart from farmers resuming selling vegetables at night and morning markets in Camerons, wholesalers who once purchased in smaller quantities to avoid losses during the MCO had also begun buying in bulk.

Cameron Highlands Vegetable Growers Association secretary Chay Ee Mong said the highland's vegetable business was back to normal as people had alternatives to purchase the fresh farm produce.

"Besides night markets and home delivery, customers can choose from online selling platforms (such as Lazada), so there are no issues with the delivery chain. There are also no logistic issues as the lorries transporting vegetables have resumed operations.

"During the MCO, farmers had to look for alternatives to sell their produces as most restaurants were closed. Now, there is no more wastage."

However, he said, the current rainy spell had affected vegetable supplies by 30 per cent and caused a slight increase in prices.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/7/2020 | BERITA HARIAN | BISNES | 46 |

# 5 MoU produk makanan laut dimeterai

**Perniagaan** Malaysia dan pengeksport makanan laut premium Korea Selatan memeterai lima memorandum persefahaman (MoU) pada Mesyuarat Perniagaan Dalam Talian Makanan Laut Korea 2020 yang diadakan baru-baru ini, dengan tempahan yang disahkan bagi produk kudapan makanan laut bernilai lebih AS$10,000.

Persekutuan Koperasi Perikanan Nasional (NFFC) Korea Selatan dalam kenyataan berkata, acara perangkaian dalam talian selama empat hari itu dikendalikan oleh K.FISH, jenama nasional eksport perikanan di bawah Kementerian Laut Korea Selatan dan jalFisheries.

Sebanyak 18 pengimport Malaysia dan 10 pengeksport Korea Selatan mengambil bahagian pada mesyuarat maya itu bagi meningkatkan kerjasama dan perniagaan.

NFFC berkata, sembilan daripada 18 pengimport Malaysia itu sudah beberapa tahun mengimport makanan laut dan kudapan dari Korea Selatan. BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/7/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |

# Bangkit lepas 2 hari berduka

## *Bekas kru kabin diberhenti kerja kini ceburi platform e-dagang pertanian, OurFarm*

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

"Walaupun lari daripada bidang yang saya ceburi sebelum ini namun peluang kedua yang diperoleh tidak akan saya sia-siakan," kata Mohammed Hazree Zakaria, 39, Eksekutif Pembangunan Perniagaan, OurFarm.

Mohammed Hazree, bekas Kru Kabin Kanan di AirAsia X Malaysia antara kakitangan yang tersenarai dalam skim pemberhentian dilaksanakan AirAsia Berhad, Jun lalu.

Dia mengakui sedih dan kecewa ketika menerima perkhabaran itu, tetapi berkat sokongan padu keluarga dan rakan-rakan, dia bangkit semula mencari peluang pekerjaan lain.

"Siapa yang tidak sedih, ketika menerima surat perasaan saya bercampur aduk kerana jiwa saya memang dalam dunia penerbangan dan saya sudah berkhidmat menjadi kru kabin ini sejak 2008.

"Selepas dua hari saya 'melayan' kesedihan, akhirnya saya mula mencari pekerjaan lain dan syukur AirAsia ketika itu memang sedang mencari pekerja untuk platform e-dagang pertaniannya, OurFarm.

"Tidak sangka, saya diterima masuk dan bekerja sebagai Eksekutif Pembangunan Perniagaan.

"Walaupun saya tiada langsung pengalaman dalam bidang pertanian namun dengan kemahiran berinteraksi dengan penumpang dapat saya gunakan pada pekerjaan sekarang.

"Saya seronok dan Alhamdulillah kerjasama daripada semua pasukan OurFarm membuatkan kerja kami lebih mudah dan kami memberi sepenuh komitmen," katanya kepada Harian Metro di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Nasihatnya, bagi sesiapa di luar sana yang terkesan dengan pengecilan operasi, tidak perlu masa lama bersedih, teruskan usaha dan jangan putus asa.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif OurFarm Lalitha Sivanaser berkata, sejak ditubuhkan Jun lalu, OurFarm sudah menyerap masuk semula 20 kakitangan AirAsia yang tersenarai dalam skim pemberhentian.

OurFarm cabang perniagaan baharu AirAsia yang merevolusikan rantaian perniagaan berasaskan pertanian dengan menghubungkan petani terus kepada perniagaan berkaitan.

"Setakat ini, kami sudah mempunyai lebih 350 petani, penternak, pekebun, peladang dan pelbagai lagi yang mendaftar dengan OurFarm.

"Setiap hari kami menerima banyak pertanyaan daripada mereka yang berminat menjadi sebahagian OurFarm," katanya yang mengibaratkan OurFarm adalah seperti *matchmaker* antara pengusaha pertanian dengan pengusaha perniagaan lain.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/7/2020 | THE STAR | NATION | 10 |



# Rose farmers urged to tap into fragrance industry

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my



**A rose by any other name:** Shafie smelling a rose during his visit to a rose garden in Kundasang where he launched the Mesilou food park.

**KOTA KINABALU:** The fragrance of the roses in the foothills of Mount Kinabalu has caught the "nose" of Sabah Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

He is urging the local rose farmers to consider developing the fragrance industry instead of just selling rose stalks and the plant.

"I visited the rose growing area. It smelled very good. You can see that the roses here are of high quality.

"They must consider developing the fragrance and perfume industry," he told reporters on Saturday after launching the Mesilou Sustainable Food Production Park in Kundasang, about 80km from here.

Shafie noted that the ideal cool weather in the highlands was suitable for the production of high quality roses that can be tapped further.

Shafie said that the state government under its Agricultural Development Blueprint for 2021-2030 was working to develop the agricultural sector, whereby farmers are encouraged to go downstream in developing value-added products.

He said the agriculture sector provided sufficient opportunities for employment as well as businesses to grow.

"Our youths must not rely on white-collar jobs alone, and they should consider going into the agricultural sector," he said.

He added that some of those involved with Mesilou food park had told him that they can earn between RM10,000 to RM15,000 a month.

"This is good compared to working with the government where employees usually earn a salary of about RM3,000," he said.

The Mesilou park that involves 18ha has been divided into eight lots and have been in operation since January last year.